



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DATUK HAJAH AIMAN ATHIRAH SABU
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

**SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN
TAHUN 2023**

9 OKTOBER 2023

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

SALUTASI

(akan dikemukakan kemudian setelah pengesahan kehadiran)

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat berkumpul di majlis pelancaran **Bulan Kaunseling Kebangsaan 2023 dengan tema “Minda MADANI Masyarakat Harmoni”**.
2. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Lembaga Kaunselor dan semua pihak yang terlibat dalam Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan 2023 ini dan menjadikannya satu realiti.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

SEJARAH BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN

3. Bermula pada tahun 2016, bulan Oktober telah diisytiharkan sebagai bulan kaunseling kebangsaan selaras dengan sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia yang disambut pada 10 Oktober setiap tahun. Sambutan ini merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan dalam mempromosikan dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan penjagaan kesihatan mental bagi menangani trend

peningkatan isu kesihatan mental yang semakin membimbangkan. Sambutan ini juga diharap dapat membudayakan perkhidmatan kaunseling dalam masyarakat disamping memartabatkan profesion kaunseling di Malaysia.

TEMA BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN 2023

4. **'MINDA MADANI MASYARAKAT HARMONI'** telah dipilih sebagai tema sambutan pada tahun ini selaras dengan agenda nasional bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara MADANI. Tema ini selari dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan perkhidmatan kaunseling profesional yang membawa kepada kehidupan yang harmoni.
5. Pemilihan tema ini bertepatan dengan prestasi kesejahteraan masyarakat Malaysia yang kini terdedah dengan ancaman isu kesan daripada proses globalisasi seperti psikososial, ekonomi, pendidikan dan kesihatan. Justeru, pengurusan mental berkualiti perlu bagi menjamin kestabilan emosi, daya resiliensi serta pengurusan emosi dalam usaha mendepani ancaman-ancaman luar jangka.

SITUASI KESIHATAN MENTAL MASYARAKAT DI MALAYSIA

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Berdasarkan Laporan **National Health and Morbidity Survey (NHMS)** yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia

pada tahun 2022, seramai **424,000** orang kanak-kanak di Malaysia mengalami isu kesihatan mental. Selain itu, peratusan golongan remaja yang mempunyai kemurungan serta terlibat dengan niat ingin membunuh diri dan percubaan bunuh diri juga menunjukkan peningkatan.

7. Peningkatan isu kesihatan mental golongan dewasa juga turut membimbangkan. Laporan NHMS pada tahun 2019 menunjukkan sebanyak setengah juta (2.3%) penduduk dewasa yang berumur 18 tahun ke atas mengalami kemurungan. Kes kemurungan tertinggi dicatatkan berlaku dalam kalangan golongan wanita, penduduk luar bandar, individu yang belum berkahwin dan individu berpendapatan rendah.
8. Ini termasuk peningkatan dalam trend bunuh diri, iaitu sebanyak **1,142** kes bersamaan dengan 81% pada tahun 2021 berbanding 631 kes pada tahun 2020 berdasarkan laporan oleh Polis Diraja Malaysia. Dalam hal ini, isu psikososial dan persekitaran, kewangan, penyakit mental dan kemurungan, kurang sokongan sosial serta penyalahgunaan dadah menjadi faktor penyumbang utama kepada tingkah laku ini.

PERKEMBANGAN PERKHIDMATAN PROFESIONAL KAUNSELING DI MALAYSIA

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Sehingga Julai 2023, seramai **11,017** orang Kaunselor telah berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia. Jumlah ini disasarkan akan

terus meningkat sejajar dengan peningkatan keperluan serta kesedaran masyarakat dalam mendapatkan perkhidmatan kaunseling.

10. Pada ketika ini, melalui kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pelbagai kaedah perkhidmatan kaunseling dan fasiliti bantuan sosial telah diwujudkan. Antaranya Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS), Talian Kasih 15999, HEAL 15555, HelplineFamilyCare@LPPKN, The Befrienders KL dan *Mental Illness Awareness & Support Association* (MIASA).
11. Menyedari akan kepentingan dan keperluan perkhidmatan kaunseling yang semakin signifikan, Kementerian kini sedang dalam usaha merangka **Dasar dan Pelan Perkhidmatan Kaunseling Negara**. Diharap dasar dan pelan perkhidmatan ini dapat meningkatkan aksesibiliti perkhidmatan kaunseling dan mengurangkan stigma masyarakat terhadap tingkah laku mendapatkan perkhidmatan, meningkatkan profesionalisme kaunseling serta menambah baik kualiti penyampaian perkhidmatan kepada Masyarakat. Pembangunan Dasar dan Pelan Perkhidmatan Kaunseling diharapkan boleh menyokong pelaksanaan dan penambahbaikan AKTA Kaunselor 580. Sudah sampai masanya AKTA Kaunselor 580 ini ditambah baik supaya relevan dengan perubahan teknologi dan cabaran kehidupan ketika ini.
12. Saranan saya, komitmen kaunselor untuk terus '**mendengar**' dan '**membantu**' masyarakat mencapai tahap kesejahteraan yang ideal

perlu dipergiat. Kaunselor juga diharap dapat memainkan peranan yang signifikan bagi mempertingkatkan kefahaman dan kesedaran rakyat dalam menangani stigma yang masih wujud dalam mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Bilangan Program-program yang berfokuskan kesejahteraan dan keharmonian Masyarakat di kalangan rakyat perlu diperbanyakkan. Pihak kementerian menggalakkan dan menyokong penuh kolaborasi sektor korporat dan NGO untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti kesejahteraan mental dalam usaha merealisasikan misi mewujudkan rakyat berminda MADANI dan Masyarakat Harmoni.

13. Isu kesihatan mental perlu ditangani sebaik mungkin bagi memastikan negara dapat diterajui dan ditadbir oleh rakyat yang mempunyai minda yang sihat dan sejahtera. Untuk itu, KPWKM melaksanakan sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan pada Oktober setiap tahun bagi membudayakan perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat dalam menjaga kesejahteraan mental.

KAEDAH PENGANJURAN SAMBUTAN BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN 2022

14. Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan pada tahun ini dimulakan dengan pelancaran di peringkat Kebangsaan dan disambut diseluruh negara dengan pelbagai program dan aktiviti. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua kaunselor daripada pelbagai agensi kerajaan, IPTA/IPTS dan Badan Bukan Kerajaan seperti PERKAMA, PEKA dan MGKK yang sentiasa memberikan sokongan yang padu

dalam melaksanakan program dan aktiviti sempena Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan 2023. Komitmen dan usaha yang berterusan oleh semua kaunselor wajar diberi pujian dalam memberikan perkhidmatan kaunseling yang terbaik kepada masyarakat di seluruh negara.

15. Sepanjang Bulan Kaunseling ini juga akan diadakan program **Jelajah Kaunseling DiHati Rakyat**. Program ini merupakan kolaborasi bersama agensi-agensi di bawah KPWK, NGO dan komuniti setempat. Jelajah ini bertujuan membudayakan perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat, meningkatkan aksesibiliti perkhidmatan kaunseling dan mempromosikan perkhidmatan kaunseling selain memperlihatkan profesion kaunselor sebagai tunjang kesejahteraan masyarakat. Jelajah ini akan dilaksanakan mengikut enam (6) zon di seluruh negara.

PERANAN KAUNSELOR DAN KEPENTINGAN PERKHIDMATAN KAUNSELING DALAM KOMUNITI

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

16. Peranan kaunselor dan perkhidmatan kaunseling kini dilihat sebagai satu keperluan yang penting terutamanya dalam situasi masyarakat yang sentiasa berhadapan dengan pelbagai tekanan kehidupan yang memberikan kesan mendalam kepada kesihatan dan kesejahteraan mental.

17. KPWKM melalui Lembaga Kaunselor sentiasa menggiatkan usaha meningkatkan aksesibiliti perkhidmatan kaunseling dan perkhidmatan sokongan psiko-sosial secara berterusan melalui pelbagai cara dan medium antaranya khidmat sokongan psikologi secara dalam talian dan program sokongan psiko-sosial melalui media elektronik, media cetak serta media sosial.
18. Peranan kaunselor amat diperlukan dalam memberikan intervensi krisis yang bersesuaian. Jumlah kes intervensi kaunseling seluruh negara yang dikendalikan oleh Talian Kasih di bawah KPWKM sahaja bagi tahun 2021 sehingga September 2023 berjumlah **15,895 kes**. Ini tidak termasuk kes-kes yang dikendalikan oleh pusat-pusat panggilan sokongan sosial yang lain.
19. Setiap intervensi krisis mempunyai cabaran dan keperluan yang berbeza. Seseorang kaunselor perlu terlatih dalam bidang kaunseling dan boleh mengendalikan plan rawatan mengikut kesesuaian isu yang dihadapi oleh klien. Seterusnya mengembalikan semula individu untuk bersama-sama masyarakat sekeliling dalam kehidupan seharian.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

20. Sebagai usaha memastikan perkhidmatan kaunseling dapat diakses oleh semua masyarakat, Kementerian menyeru agar setiap lapisan masyarakat dapat menjadikan perkhidmatan kaunseling satu budaya

dalam kehidupan. Aktiviti kesukarelawan dalam perkhidmatan kaunseling amatlah digalakkan bagi meningkatkan aksesibiliti masyarakat terhadap perkhidmatan kaunseling.

21. KPWKM melalui Lembaga Kaunselor telah mendaftarkan seramai **1,500** kaunselor berdaftar sebagai sukarelawan kaunselor berdaftar (SKB). SKB ini merupakan satu entiti formal bagi membantu masyarakat menangani isu psikososial dan menyediakan bantuan profesional kepada masyarakat melalui khidmat psiko-sosial di peringkat komuniti dan melaksanakan program sokongan bantu mula psikologi kepada mangsa dan waris yang terkesan. SKB juga terlibat membantu memberikan bantuan psiko-sosial kepada masyarakat melalui Talian Kasih 15999 yang dikendalikan oleh KPWKM.
22. Saya amat menghargai dan berterima kasih atas sumbangan SKB yang bertugas di Talian Kasih 15999, Pusat Sokongan Sosial Setempat dan yang menjalankan intervensi di lapangan semasa berlaku krisis dan kaunseling dalam talian "Helpline FamilyCare@LPPKN" oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. Sesungguhnya pengorbanan mereka sebagai sukarelawan ini amat di sanjung tinggi.

PENUTUP

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

23. Saya berharap penganjuran Bulan Kaunseling Kebangsaan memberi manfaat bukan sahaja kepada kaunselor itu sendiri, malah berupaya untuk meningkatkan kesedaran masyarakat kepada kepentingan kaunseling sebagai kaedah intervensi yang membantu meningkatkan kesejahteraan individu dan juga masyarakat.
24. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua kaunselor berdaftar di seluruh negara atas komitmen yang telah diberikan dalam membantu masyarakat dalam pelbagai cara bagi memastikan kesejahteraan pemikiran dan harmoni sesama mereka.
25. Perkhidmatan kaunseling hendaklah boleh diakses oleh semua lapisan masyarakat yang memerlukan. **INI BULAN KITA, MINDA MADANI MASYARAKAT HARMONI. #KamiDengarKamiBantu**
26. Saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran BKK tahun ini. Mudah-mudahan penganjuran kali ini dapat meningkatkan kesedaran dan pengetahuan berkaitan kesihatan mental masyarakat melalui perancangan aktiviti dan program yang telah disediakan di sepanjang tempoh sambutan.

27. Saya akhiri dengan kata-kata oleh Sommers-Flanagan,

“Understanding why people suffer, how they change, and how to help them live more satisfying and gratifying lives is a fascinating, huge, and important undertaking”.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan 2023**.

Sekian, Wabilahi Taufik Wal Hidayah Assalamualaikum Warah Matullahi Wabarakatuh.